

**TEKS UCAPAN YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK
MAJLIS BEJARAH RAYA & NGABANG GAWAI
PPTD WILAYAH SARAWAK
Hawa Catering Banquet Hall
24 Mei 2022 (Selasa)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Aidil Fitri, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Sarawakku Sayang,

YBhg. Datu/Tuan/Puan Ahli Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Wilayah Sarawak serta keluarga;

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama memanjatkan kesyukuran dan segala pujian ke hadrat Allah S.W.T kerana tahun ini kita diberi kesempatan berkumpul dan meraikan Aidilfitri di bulan Syawal yang mulia. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua ahli PPTD Wilayah Sarawak.
2. Pada kali ini, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Wilayah Sarawak telah berjaya untuk mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri dan Pra Sambutan Perayaan Gawai setelah dua (2) tahun kita terpaksa menangguhkan banyak aktiviti dan program kerana melalui fasa pandemik.

3. Untuk itu, saya sangat berbesar hati dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Datu/Tuan/Puan selaku ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang berkhidmat di Bumi Kenyalang. Tidak lupa juga, pada kali ini kita juga turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli keluarga masing-masing sebagai tanda ingatan jalinan kemesraan antara kita.
4. Adalah menjadi harapan saya agar majlis seumpama ini akan memberi peluang kepada semua ahli PPTD serta para jemputan untuk merapatkan hubungan di samping menikmati juadah yang disediakan pada hari ini. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama kita. Majlis seperti ini adalah kesempatan terbaik untuk kita saling bermaafan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu dan jabatan.
5. Hadirin yang dihormati sekalian, majlis ini diadakan tepat pada masanya mengambil kira sambutan Aidilfitri pada hari ini merupakan hari yang ke-23 dalam bulan Syawal dan sambutan Gawai pada 1 Jun tidak lama lagi. Justeru saya mendoakan agar kita semua diberikan kesihatan dan kesejahteraan dalam menyambut perayaan tersebut.
6. Suka saya mengingatkan tuan/puan ahli PPTD Wilayah Sarawak, dalam kita bergembira di musim perayaan ini, usahlah kita lupa dengan tugas dan tanggung jawab yang telah diamanahkan. PTD di Sarawak hendaklah sentiasa bekerja dengan bersungguh-sungguh serta penuh integriti dan bertanggung jawab dalam menjalankan amanah yang diberikan. Kita perlu lakukan sebaik mungkin agar pelanggan yang berurusan dengan kita berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

7. Saya juga ingin menyeru kepada semua supaya sentiasa berhati-hati dalam mengharungi dan mendepani cabaran masa kini. Meskipun kita telah diisytihar dalam peralihan kepada fasa endemik, kita masih perlu menjaga diri kita sendiri terutamanya dari aspek kesihatan. Selain itu, kita juga perlu berwaspada ketika memandu dalam perjalanan pulang ke destinasi masing-masing semasa cuti perayaan nanti.

8. Dalam majlis ini juga, PPTD Sarawak mengambil kesempatan untuk melancarkan Buletin PPTD Wilayah Sarawak 2019-2021. Mesyuarat EXCO PPTD Wilayah Sarawak pada 11 Januari 2022 bersetuju Laporan Tahunan Aktiviti Dan Informasi PPTD Cawangan Sarawak akan disalurkan melalui Buletin bagi program sepanjang tahun 2019 hingga 2021. Penerbitan buletin ini secara tidak langsung adalah untuk mempromosikan kewujudan PPTD di negeri Sarawak. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua barisan Exco PPTD Wilayah Sarawak Sesi 2019/2021 dan Ketua Editor, Puan Radiah binti Muhamad atas usaha ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Buletin PPTD Wilayah Sarawak 2019-2021.

9. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk hadir pada malam ini dan seterusnya tahniah diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan **Majlis Bejarah Raya dan Ngabang Gawai tahun 2022**, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Wilayah Sarawak.

10. Sebelum mengakhiri ucapan, terimalah dua (2) rangkap pantun daripada saya:

Ayam pansuh tradisi kita,
Ketupat rendang pembuka selera,
Tangan dihulur maaf dipinta,
Agar ukhuwah terjalin mesra.

Merdu berbunyi alunan dawai,
Sape di tangan membawa damai,
Selamat menyambut Hari Gawai,
Gayu guru gerai nyamai.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.